

LAPORAN NAIB CANSelor



'Keterlihatan Antarabangsa Yang Menyerlah'. Begitulah tekad dan iltizam seluruh warga Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dalam memartabatkan kedudukan universiti ini ke tahap yang cemerlang dan terbilang, bukan sahaja di mata masyarakat serumpun tetapi juga jauh menelurusi batas sempadan Negara dan budaya. Dalam usia yang mengengjak ke angka kematangan, UniMAP terus memecah benteng cabaran dan halangan dalam semua aspek demi mencapai visi menjadi

sebuah institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa.

UniMAP telah melepasi fasa 1 (2008-2010) dalam penetapan strateginya iaitu mengekalkan kedudukan sebagai universiti berfokus dalam kelompok teratas universiti yang dikategori sebagai 'memuaskan'. Mulai tahun 2011 sehingga 2015, universiti ini telah memasuki fasa pementapan dan pemeraksanaan yang memerlukan komitmen seluruh warganya ke arah mencapai matlamat menjadi antara 500 universiti terbaik dunia menjelang 2020.

Intipati

fasa ini diterjemahkan dalam Pelan Strategik 2011-2015 yang menggariskan enam teras strategik iaitu:

- » Ekosistem yang kondusif,
- » Penyelidikan berimpak tinggi,
- » Keunggulan akademik,
- » Penciptaan kekayaan yang ketara,
- » Tadbir urus gemilang, dan
- » Siswazah berbakat istimewa.

Enam(6) teras berkenaan ditetapkan setelah mengambil kira kewujudan aktiviti penarafan dan pementakan seperti SETARA, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), World University Rankings serta

LAPORAN NAIB CANSOLOR

dasar-dasar negara yang baru dan lama seperti Misi Nasional, Program 1Malaysia, RMK-10, Model Baru Ekonomi, Pelan Transformasi Kerajaan dan Wawasan 2020 serta perkembangan ekonomi semasa dunia yang tidak menentu dan menjurus ke arah liberalisasi kewangan yang bakal merubah suasana, persekitaran dan lanskap geo-politik dunia seluruhnya.

Jika dilihat kepada pencapaian keseluruhan dalam tahun 2011 iaitu tahun pertama perlaksanaan fasa 2 pelan strategiknya, UniMAP sebenarnya sedang bergerak ke arah 500 universiti terbaik dunia. Jika pada tahun 2010, UniMAP diiktiraf sebagai universiti tiga(3) bintang dalam penyelidikan berdasarkan penilaian Malaysia Research Assessment (MyRA) dengan kedudukan tempat ke-2 daripada 15 buah universiti awam kategori bukan penyelidikan, tahun 2011 pula telah menyaksikan keunggulan UniMAP dalam instrumen yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ini. UniMAP mencapai kedudukan empat(4) bintang dengan 81.4%, sekaligus melayakkannya memohon status Universiti Penyelidikan (RU). Penarafan bagi tempoh tahun 2008-2010 itu juga membolehkan UniMAP yang berteraskan kejuruteraan berada pada kedudukan ke-6 keseluruhan dalam senarai Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS).

	UniMAP
Taraf Bintang (2007-2009)	★ ★ ★
Taraf Bintang (2008-2010)	★ ★ ★ ★

Jadual 1: Perbandingan taraf bintang untuk penilaian 2007-2009 dan 2008-2010


UniMAP turut unggul dalam penilaian MyMOHES iaitu sistem pengurusan dan pengitegrasian data maklumat KPT yang dibangunkan bagi menyepadukan data IPTA dan meningkatkan kualiti data Pengajian Tinggi negara secara bersistem. Berdasarkan petunjuk prestasi yang dikeluarkan setiap enam bulan oleh pihak KPT, UniMAP telah mencapai keputusan 100% dengan penarafan lima(5) bintang. Komitmen bersepadu semua pihak dalam menjayakan pengemaskinian data ini menyaksikan peningkatan ketara di mana pada tahun 2010, UniMAP hanya mencapai taraf tiga (3) bintang.

Bulan & Tahun Penyaluran Data	Taraf Bintang(*)
08/2007	Penarafan bintang belum diperkenalkan oleh KPT
02/2008	★ ★ ★ ★ ★
08/2008	★ ★
02/2009	Penarafan bintang tidak dikeluarkan oleh KPT
08/2009	★ ★ ★ ★ ★
02/2010	★ ★ ★ ★ ↓
08/2010	★ ★ ★ ★
02/2011	★ ★ ★ ★ ★ (98%)
08&10/2011	★ ★ ★ ★ ★ (100%)

Jadual 2: Pencapaian UniMAP dalam Penarafan Bintang MyMOHES dari Ogos 2007 - Oktober 2011

Bagi instrumen My3S pula iaitu skala kemahiran insaniah yang diperkenalkan oleh pihak KPT untuk mengukur elemen kemahiran insaniah yang perlu diterapkan di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi, UniMAP telah melepasi skala tahap Nasional. Untuk penilaian tahun 2010, UniMAP mencapai skala


7.68 (Pelajar Tahun Akhir) melepasi skala 7.63 peringkat nasional dan mencapai skala 7.39 (Pelajar Tahun Pertama) melepasi skala 7.23 peringkat nasional. Walaupun pencapaiannya sederhana namun ia merupakan petunjuk kepada usaha pihak universiti dalam menghasilkan insan kamil yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam pelbagai bidang.



Jadual 3: Bilangan Graduan Yang Mendapat PNGK > 3.00 (2006-2011)


UniMAP juga berjaya melahirkan seramai 1238 graduan pada tahun 2011 iaitu 4 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, 58 orang graduan Ijazah Sarjana, 954 graduan Ijazah Sarjana Muda dan 222 penerima Diploma. Merujuk kepada jumlah graduan Ijazah Sarjana Muda, 410 orang atau 43% daripadanya bergraduat dengan PNGK 3.00 ke atas. Daripada jumlah tersebut juga, 75% atau 711 orang telah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam(6) bulan selepas bergraduat. Daripada jumlah tersebut, 27% diterima bekerja di syarikat multinasional, 2% di syarikat GLC, 24% di syarikat swasta

LAPORAN NAIB CANSOLOR



tempatan, 5% di agensi kerajaan dan bakinya bekerja sendiri atau menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Peratus Kebolehpasaran Siswazah UniMAP bagi tempoh 6 Bulan Setelah Bergraduasi (2006-2011)



Jadual 4 : Kebolehpasaran Graduan (2006-2011)

Pengiktirafan antarabangsa turut diterima apabila Naib Canselornya, Y.Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin menjadi rakyat Malaysia pertama menerima anugerah Felo Kehormat dari Athlone Institute of Technology (AIT), Ireland. Anugerah berprestij tersebut merupakan penganugerahan tertinggi yang diberikan oleh AIT kepada individu yang banyak memberi sumbangan dari aspek kepimpinan, pembangunan dan penyelidikan, akademik dan industri serta kemasyarakatan. UniMAP turut

berbangga apabila Institut Kecemerlangan Nano Elektronik diiktiraf sebagai salah sebuah Pusat Kecemerlangan Nano Malaysia oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia. Walaupun baru tiga tahun ditubuhkan, pengiktirafan tersebut membuka ruang yang lebih luas kepada Institut berkenaan untuk menjadi sebuah hub perhubungan inovasi, penyelidikan dan kepakaran nanoteknologi khususnya di dalam bidang nano elektronik.

Dalam merealisasikan kecemerlangan sebagaimana sebahagian pencapaian yang disebutkan di atas, sumber manusia merupakan tunjang utama. Sejak mula beroperasi pada tahun 2002, UniMAP mempunyai kekuatan sebanyak 1274 jawatan di mana 91.2% daripadanya telah diisi. Walaubagaimanapun, pada tahun 2011, hanya tambahan 22 jawatan akademik dan 5 jawatan bukan akademik sahaja diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Jumlah ini menyaksikan penurunan berbanding jumlah keseluruhan 39 jawatan yang diperuntukkan pada tahun 2010. Angka keseluruhan tersebut menyaksikan 0.26% adalah terdiri daripada jawatan kumpulan pengurusan tertinggi, 47.16% daripada kumpulan pengurusan dan

profesional akademik, 11.79% daripada kumpulan pengurusan dan profesional bukan akademik dan bakinya adalah jawatan bagi kumpulan sokongan. Selain warga tempatan, UniMAP mempunyai 60 orang staf bukan warganegara daripada 19 buah Negara di mana majoritinya adalah daripada Negara-negara ASEAN. UniMAP juga berupaya menarik minat 139 staf akademik yang merupakan pemegang ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) untuk menabuh bakti di Universiti ini walaupun kedudukannya di sebuah negeri kecil di Utara Semenanjung.

Tahun 2011 turut menyaksikan 15 orang staf akademik dan lapan(8) orang staf bukan akademik dinaikkan pangkat. Kesemua 15 orang staf akademik tersebut dinaikkan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan (DS52) daripada gred hakiki asal DS45. Bagi staf bukan akademik kumpulan pengurusan dan profesional pula, tiga(3) orang dinaikkan ke Gred 48 dan seorang dinaikkan pangkat ke Gred 44, manakala bagi kumpulan sokongan, seorang dinaikkan ke Gred 32, seorang Gred 6 dan dua(2) orang Gred 4 bagi kategori perjawatan masing-masing.

LAPORAN NAIB CANSOLOR

UniMAP turut berbangga dan berbesar hati apabila DYTU Tuanku Canselor dan DYTU Tuanku Pro Canselor dilantik semula memegang jawatan masing-masing. DYTU Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis, telah dilantik semula sebagai Canselor UniMAP atas perkenan Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong. Pelantikan semula Baginda bagi kali ketiga ini adalah untuk tempoh selama lima tahun berkuatkuasa 13 Disember 2011 sehingga 12 Disember 2016. Baginda telah memegang tampuk sebagai Canselor UniMAP bermula pada 1 September 2003. DYTU Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah, Raja Puan Muda Perlis turut dilantik semula sebagai Pro Canselor selama lima tahun berkuatkuasa 13 Disember 2011 sehingga 12 Disember 2016. Pelantikan semula kedua-dua tampuk tertinggi kepimpinan UniMAP dilihat sebagai suntikan semangat kepada warganya untuk terus berjuang menggemilangkan universiti ini.

Dari sudut pengurusan tertingginya pula menyaksikan Y.Bhg. Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) berkuatkuasa 1 Mac 2011 bagi menggantikan Y.Bhg. Prof. Dr. Sazali Yaacob. Dalam usaha memantapkan lagi sistem pengurusan dan pentadbirannya, pihak pengurusan tertinggi turut mewujudkan jawatan Penolong Naib Canselor berkuatkuasa 1 Jun 2011. Dua(2) orang Dekan dan seorang Pengarah telah ditukarlantik ke jawatan berkenaan iaitu Y.Bhg. Prof. Dr. Zuraidah Mohd. Zain, Penolong Naib Canselor (Komunikasi Korporat), En. Razli Ahmad, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan Prof. Madya Abdul Aziz

Mahmuddin, Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti). Keanggotaan di dalam Lembaga Pengarah Universiti juga berubah wajah dengan pelantikan wakil Profesor didalamnya. Y.Bhg. Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Pengerusi Majlis Profesor UniMAP, telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah berkuatkuasa 15 Julai 2011. Selain beliau, En. Zamzuri Abdul Aziz, Timbalan Pengarah Belanjawan (Perkhidmatan Awam) selaku wakil Kementerian Kewangan turut dilantik sebagai ahli berkuatkuasa 15 Jun 2011.

Selaras dengan pengwujudan Majlis Profesor Negara, UniMAP turut bergerak seiring dengan menubuhkan Majlis Profesor UniMAP. Majlis ini diketuai oleh Y.Bhg. Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff selaku Pengerusi dengan keanggotaan seramai 17 orang Profesor dari pelbagai pusat pengajian di UniMAP. Majlis ini berfungsi antara lainnya sebagai kumpulan pemikir (think tank) kepada Pengurusan Tertinggi universiti, sebagai penasihat kepada aktiviti penyelidikan dan akademik universiti, dan sebagai pakar rujuk di dalam menambahkan ahli akademik bertaraf profesor menerusi jaringan kerjasama dan hubungan erat dengan institusi pendidikan tinggi yang lain.

Bagi memantapkan lagi kualiti sumber manusia di kalangan staf akademik, pihak universiti telah memperakukan seramai seramai 47 orang felo untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik (SLTPA). Daripada jumlah tersebut, 31 orang menyambung pengajian peringkat Sarjana di dalam Negara,

11 orang di peringkat Doktor Falsafah di dalam Negara manakala 5 orang lagi menyambung pengajian di luar Negara. Kesemua mereka dibiayai oleh Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) tajaan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT). Selain itu, pihak Universiti turut memperakukan seramai 59 orang staf yang terdiri dari Tutor, Pegawai Latihan Vokasional dan Pensyarah untuk melanjutkan pengajian peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Pengajian Lanjutan Kakitangan Akademik (SPLKA).

Kompetensi staf lainnya juga terus ditingkatkan dengan pelaksanaan pelbagai kursus dan latihan. Bagi tahun 2011, sebanyak 36 kursus di bawah kelolaan Unit Latihan, Jabatan Pendaftar telah berjaya dilaksanakan termasuk kursus-kursus yang dijalankan dengan kerjasama Pusat Tanggungjawab (PTJ) lain di UniMAP atau agensi luar yang dikenalpasti. Selain itu, ada juga kursus-kursus pendek yang dilaksanakan secara dalaman oleh setiap PTJ yang berkenaan. Bidang kursus dan latihan meliputi bidang pentadbiran, kewangan, teknologi maklumat, pengurusan pejabat, pembangunan sahsiah dan lain-lain lagi. Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan, Bil 6, Tahun 2005, yang menetapkan agar semua penjawat awam perlu menghadiri kursus sekurang-kurangnya tujuh(7) hari setahun, UniMAP telah mencapai tahap 86.3% kehadiran stafnya. Usaha akan ditingkatkan agar semua lapisan staf dapat menghadiri kursus dan latihan bukan sahaja untuk memenuhi keperluan tujuh(7) hari setahun tetapi untuk tujuan peningkatan kerjaya masing-masing.

LAPORAN NAIB CANCELOR

Komitmen dan sumbangan jitu setiap warganya juga sentiasa mendapat pengiktirafan daripada pihak Pengurusan Universiti. Melalui Anugerah Seri Gemilang 2010 yang dilaksanakan pada tahun 2011, seramai 83 orang staf tetap dari pelbagai jawatan telah diperaku untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Mereka terdiri daripada 44 orang daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala 39 orang lagi daripada Kumpulan Sokongan. Selain itu, 22 orang staf juga telah diperakukan untuk menerima Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang iaitu 3 orang bagi Anugerah Pendidik Cemerlang; 8 orang bagi Anugerah Pentadbir Cemerlang, 5 orang bagi Anugerah Staf Sokongan Cemerlang dan 6 orang bagi Anugerah Versatil. Dua orang staf pula telah dianugerahi Pingat Jasa Baik (PJB) sempena Sambutan Ulangtahun Keputeraan DYMM Tuanku Raja Perlis ke-68.

Selain pengiktirafan kepada stafnya, UniMAP turut mengiktiraf tokoh-tokoh kepimpinan Negara sebagai tanda penghargaan di atas jasa dan sumbangan yang dicurahkan kepada Universiti ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sempena Istiadat Konvokesyen Khas pada 17 Mac 2011, UniMAP telah menganugerahkan Ijazah Kehormat Ulung Doktor Kejuruteraan kepada Mantan Perdana Menteri Malaysia, Y.A.Bhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Ijazah Kehormat Ulung Doktor Sains kepada Y.A.Bhg. Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali manakala pada Istiadat Konvokesyen Ke-6 pada 17&18 September 2011, UniMAP telah menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan kepada Y. Bhg. Tan Sri Dr. Zulkefli A. Hassan, Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan

kepada Yang Berbahagia Dr. R. Vasant Kumar dan Ijazah Kehormat Sarjana Kejuruteraan kepada Yang Berusaha En. Mohd. Parid Sulaiman.

Kecemerlangan sumber manusia turut diperkukuhkan dengan pembangunan struktur organisasi pentadbirannya. Seajar dengan usaha memperkukuhkan pencapaian dalam bidang penyelidikan, Unit Penyelidikan dan Pembangunan telah dinaiktaraf sebagai Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) bertujuan memantap dan menambahbaik sistem pengurusan sedia ada di dalam menyemarakkan aktiviti penyelidikannya. Selain itu, Green Concrete@UniMAP turut dinaiktaraf kepada Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Sistem Geopolimer bagi menggerakkan dengan lebih bersepadu aktiviti penyelidikan dan inovasi khusus dalam bidang teknologi bahan hijau manakala Kluster Sensor Technology and Applications juga turut dinaiktaraf kepada Pusat Kecemerlangan Sensor Teknologi Termaju yang bakal menjadi pusat penerokaan, penjanaan dan penyebaran ilmu dalam bidang sensor termaju dan aplikasinya dalam sektor-sektor kritikal termasuklah pertanian, alam sekitar dan perubatan.

Bagi menghampiri matlamat memperkasakan aktiviti pengkomersialan dan pengurusan harta intelek di samping membudayakan aktiviti keusahawanan, Unit Enterpris Kecil dan Sederhana juga telah dinaiktaraf kepada Pusat Pembangunan Keusahawanan, Pengkomersialan dan Pengurusan Harta Intelek (E-CIP). Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan (PKKK) turut distrukturkan semula dan dikenali

sebagai Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan (PTKPI) setelah fungsi perniagaan dan keusahawanan serta matematik kejuruteraan diasingkan secara pentadbiran dengan pusat berkenaan.

Pihak Universiti turut menubuhkan Unit Kualiti dan Akreditasi (UNIKA) bagi melancarkan perancangan dan pengurusan proses mendapatkan pengiktirafan akreditasi untuk program-program pengajian di UniMAP selain bertanggungjawab menyelaras pertambahan bilangan keahlian Jurutera Siswazah, Jurutera Profesional dan Student Chapter di UniMAP. Selain itu, selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Unit Pengurusan Aset dan Inventori (UPAI) ditubuhkan bagi tujuan mengurus dan menyelaraskan aset dan inventori secara teratur, cekap dan berkesan.

Dari sudut penawaran program akademik pula, UniMAP mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan Program Teknologi Kejuruteraan. Program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Kepujian) (Bioteknologi Industri) merupakan program Teknologi Kejuruteraan pertama diperkenalkan dan pengambilan pelajar sulungnya telah dilaksanakan pada Sidang Akademik 2011/2012. Program ini bermatlamat menjana tenaga kerja profesional yang mempunyai kemahiran seimbang dalam aspek bioteknologi dan kejuruteraan. Selain itu, Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik turut diperakukan untuk pertambahan satu lagi program pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Elektrik Sistem Tenaga). Buat pertama kalinya juga, Institut Matematik

LAPORAN NAIB CANCELOR

Kejuruteraan (IMK) menawarkan program peringkat pascasiswazah iaitu Sarjana (Matematik Kejuruteraan) mulai Sidang Akademik 2011/2012. Dengan pertambahan dua(2) program peringkat Sarjana Muda dan satu(1) program di peringkat Sarjana menjadikan kesemuanya 24 program pengajian ditawarkan di peringkat Sarjana Muda dan 18 program pengajian peringkat Sarjana.

Dengan penawaran jumlah program di atas di samping enam(6) program pengajian peringkat Diploma dan sembilan(9) program pengajian peringkat Doktor Falsafah, UniMAP mempunyai keseluruhan 5977 orang pelajar peringkat sarjana muda dan 834 orang pelajar peringkat diploma. Pelajar peringkat pascasiswazah pula berjumlah 408 orang iaitu 232 orang bagi program Sarjana di mana 12.5% daripadanya adalah pelajar antarabangsa dan 176 orang bagi program Doktor Falsafah dan 80 orang daripadanya terdiri daripada warga antarabangsa. UniMAP turut menerima kemasukan keseluruhan 171 orang pelajar antarabangsa bagi pelbagai program peringkat sarjana muda di samping 59 orang pelajar antarabangsa bagi program persediaan.

Penyelidikan terus mengungguli kecemerlangan UniMAP di persada tempatan mahupun antarabangsa. Tahun 2011 menyaksikan penyertaan UniMAP di 4 pameran penyelidikan peringkat kebangsaan dan 6 pameran penyelidikan peringkat antarabangsa dan setiap penyertaan sentiasa mem buahkan hasil yang membanggakan. Melalui Pameran International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition (ITEX) 2011, para penyelidik UniMAP telah berjaya

memperoleh 11 emas, 24 perak dan 11 gangsa dan sekaligus menjulang UniMAP sebagai juara keseluruhan bagi pameran berkenaan. Lebih manis lagi apabila UniMAP turut diiktiraf melalui anugerah Champion of Malaysian Invention and Design Society (MINDS) atas sumbangan dan usaha meningkatkan inisiatif penyelidikan dan inovasi di kalangan penyelidik muda.

UniMAP juga meraih 4 emas, 7 perak dan 16 gangsa melalui Pameran Malaysia Technology Expo (MTE) dan berkongsi tempat ketiga dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam pungutan pingat keseluruhan. UniMAP turut menerima lima(5) anugerah khas di pameran ini iaitu Best Biotech Award, Grand Award (Korea), The Very Best Award, Special Award (Korea) dan Special Award (Croatia). Kejayaan terus diraih oleh pasukan penyelidik UniMAP di Pameran R&D IPTA (PECIPTA) apabila mendapat pungutan 9 emas, 6 perak dan 16 gangsa. Selain itu, produk penyelidikan bertajuk *Modified Double Weight (MDW) Code For OCDMA FTHH Network Using FPGA Based* muncul sebagai produk terbaik bagi kategori The Best of MO (produk baru). UniMAP menutup tirai pameran penyelidikan tempatan dengan bergaya apabila meraih jumlah pungutan pingat tertinggi iaitu 18 pingat dari 26 produk yang dipertandingkan pada Pameran BioMalaysia 2011 meliputi dua emas, enam perak dan sepuluh gangsa.

Kejayaan penyelidikan di peringkat antarabangsa tidak kurang hebatnya. UniMAP telah meraih kejayaan 100% pungutan pingat dalam setiap penyertaan antarabangsanya. Bagi Pameran International Exhibition Of Invention New Techniques & Products, Geneva, pasukan

penyelidik UniMAP meraih 2 emas dan 2 gangsa, manakala di Pameran International Trade Fair, Ideas-Inventions New Products (IENA) pula, 3 emas dan 1 perak telah dibawa pulang. UniMAP turut mencatat 3 emas dan 1 perak di Pameran International Warsaw Invention Show (IWIS); 4 emas, 4 perak dan 1 gangsa di Pameran Seoul International Invention Fair (SIIF); 3 emas dan 2 perak di Pameran British Invention Show (BIS) dan 8 emas, 3 perak dan 1 gangsa di Pameran International Invention Show Zagreb Fair (INOVA). Sejak penyertaan pertama pada tahun 2005, UniMAP kini meraih keseluruhan 498 pingat daripada pelbagai pameran penyelidikan tempatan dan antarabangsa.

Pertumbuhan geran penyelidikan juga terus pesat dan memberangsangkan. Bermula dengan jumlah geran RM 161,530.00 pada tahun 2003, para penyelidik UniMAP telah berupaya meyakinkan pihak kementerian dan badan-badan korporat lain untuk penjanaaan sejumlah geran bagi tujuan penyelidikan berkaitan. Tahun 2011 merekodkan 222 projek penyelidikan dengan nilai geran sebanyak RM12.445 juta diperolehi oleh pasukan penyelidik. 15.3% daripada jumlah keseluruhan geran adalah daripada geran FRGS, 7.4% geran ERGS, 6.6% geran FRGS, 3.6% geran LRGS, 4.9% geran Sciencefund, 9.1% geran Nanofund dan selebihnya perolehan dari organisasi dan badan-badan korporat. UniMAP turut menerima dana yang dianugerahkan oleh Northern Corridor Implementation Authority bernilai RM2.27 juta bagi pelaksanaan Program Silterra, NCI dan Universiti Malaysia Perlis Centre of Excellence (SNUCoE). Program ini membolehkan

LAPORAN NAIB CANSOLOR

UniMAP mempromosikan kepakaran dalam bidang rekabentuk Microelectromechanical Systems (MEMS) serta bidang fabrikasi semikonduktor kepada Silterra Malaysia Sdn. Bhd. Pihak Silterra pula berhasrat untuk mempertingkatkan keupayaan pengeluaran menerusi lantikan lebih ramai jurutera yang baru bergraduasi dari UniMAP. Pelaksanaan program itu disokong oleh NCIA yang telah bersetuju membiayai kedua-dua aktiviti tersebut sebagai satu program berpanjangan dalam usaha melahirkan tenaga mahir yang diperlukan dalam sektor elektrik dan elektronik.

Bidang penerbitan turut mencatatkan pencapaian terbaik. Jumlah penerbitan para penyelidik UniMAP yang terindeks dalam Scopus terus mencatatkan peningkatan bilangannya. Jumlah tersebut dengan mengambilkira penilaian mulai tahun 2003 telah mencecah 1,027. Daripada jumlah tersebut, 473 dokumen telah diterbitkan dalam jurnal yang diindeks. Paling membanggakan apabila salah sebuah jurnal terbitan penyelidik UniMAP berjaya merangkul anugerah *CST University Publication Award* bagi tahun 2011, sebagai salah satu dari 4 artikel terbaik di dunia dalam elektromagnetik. Artikel yang bertajuk *Setup and Results of Pyramidal Microwave Absorbers Using Rice Husks* telah diterbitkan di dalam jurnal *Progress in Electromagnetic Research (PIER)* pada Disember 2010 yang lalu. Artikel jurnal berimpak faktor 3.7 tersebut adalah hasil projek MSc, Nornikman bin Hassan dan diselia oleh Dr. Mohd Fareq bin Abd Malek (penyelia utama), Soh Ping Jack dan Azremi Abdullah Al-Hadi. Selain itu,

Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT), Dr. Md. Aminul Islam berjaya meraih Anugerah Penulisan Tesis Terbaik 2011 melalui tesisnya yang bertajuk *An Empirical Investigation On The Underpricing and Earnings Management Of Initial Public Offerings In Bangladesh*.

Perkongsian ilmu pengetahuan terus disemarakkan dengan kewujudan Perpustakaan di Kampus Pauh Putra yang menjadi mercu percambahan dan perkongsian maklumat bagi setiap warganya. Sehingga Disember 2011, Perpustakaan UniMAP mempunyai 41,660 buku dan 342 jurnal dan majalah bercetak. Selain bahan bercetak, gedung ilmu ini mempunyai 1.3 juta koleksi buku elektronik, 14,126 koleksi jurnal elektronik, dan 5,575 koleksi bahan media. Jumlah keseluruhan menunjukkan peningkatan bilangan koleksi sebanyak 0.65% berbanding tahun sebelumnya. UniMAP turut berusaha ke arah memperkasakan penerbitan ilmiah. Sejumlah 336 judul penerbitan telah diterbitkan sepanjang 2003-2011. Penerbitan 2011 meliputi 20 buku, 5 jurnal, 1 modul pengajaran, 8 modul makmal dan 10 terbitan khas.

Jalinan kerjasama terus ditingkatkan dengan organisasi atau institusi akademik dalam dan luar Negara. Sepanjang 2011, sebanyak 28 Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) telah ditandatangani dengan institusi pengajian tinggi luar Negara di mana majoritinya adalah dengan Negara-negara serumpun dan 20 MoU/MoA ditandatangani dengan industri atau organisasi dalam Negara. Jalinan kerjasama ini membolehkan kedua-dua pihak berkongsi kepakaran dan

kelebihan masing-masing untuk manfaat bersama. Jalinan kerjasama juga dilaksanakan melalui penganjuran bersama persidangan iaitu kolaborasi UniMAP dan Athlone Institute of Technology (AIT), Ireland dalam menganjurkan The 1st International Malaysia Ireland Joint Symposium (IMiEJS) 2011. Persidangan yang diadakan di Ireland ini bertujuan meningkatkan penglibatan pelajar Malaysia dan Ireland di dalam persidangan antarabangsa, juga bagi meningkatkan nilai perkongsian ilmu dan jaringan kerjasama antara Malaysia, Ireland dan Negara-negara lain di Eropah.

Berpaksikan tonggak untuk melahirkan 'Siswazah Berbakat Istimewa', setiap warga kerjanya terus berusaha memerah keringat di dalam mendidik dan membimbing para pelajar bagi mencapai matlamat yang berkenaan. Hasilnya pelbagai kejayaan dikecapi oleh para pelajar sepanjang 2011 yang menyaksikan 'guru'nya boleh tersenyum penuh kepuasan dan kegembiraan. Dalam bidang penyelidikan, para penyelidik muda melalui Envex Young Researcher Club (EYReC) telah mencipta kejayaan 100% dalam setiap penyertaan kebangsaan dan antarabangsa. Dalam penyertaan di Asian Young Inventors Exhibition (AYIE) 2011 para pelajar UniMAP bersama wakil sekolah yang dibimbing di bawah EYReC telah meraih 3 emas dan 3 perak daripada enam (6) produk yang dipertandingkan, manakala di Expo Inovasi Islam 2011, sebanyak 2 emas, 6 perak dan 2 gangsa berjaya diraih ditambah dengan anugerah khas *Al-Khawarizmi Award* dan *Islamic Innovation Award* melalui produk penyelidikan *Eco Twister SR*. Dalam Pameran PECIPTA 2011, pasukan

LAPORAN NAIB CANCELOR

penyelidik muda telah menggondol 1 emas, 1 perak dan 4 gangsa bagi kategori Penyelidik Muda (Y) dan Penyelidik Junior (J). Penyertaan di persada antarabangsa menyaksikan 1 perak diperoleh di British Invention Show (BIS) serta 4 emas dan 1 perak di 36th International Invention Show (INOVA) 2011.

Penyelidik muda UniMAP turut muncul johan keseluruhan dengan meraih 5 emas, lima perak dan 10 gangsa melalui pertandingan yang dianjurkan iaitu International Engineering Invention and Innovation Exhibition (i-ENVEX). Program ini dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia serta mendapat sokongan daripada Malaysian Invention and Design Society (MINDS), Asean Caucus of Invention Associations (ACIA) dan Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA). Bakat para pelajar turut dicungkil melalui penganjuran pertandingan robotik buat kali ke-2 iaitu Malaysia University Robot Competition (MURoC) 2011. Hasilnya, pasukan UniMAP muncul naib johan setelah meraih antara tiga pasukan terbaik dalam setiap kategori yang dipertandingkan.

UniMAP yang dikenali sebagai universiti berfokuskan kejuruteraan tidak hanya menumpukan aspek berkenaan sahaja tetapi para pelajarnya turut didedahkan dengan aspek kebudayaan, sukan dan sosial. Nilai tambah yang diterapkan itu membuahkan hasil apabila mereka menjuarai atau sekurang-kurangnya berada di tempat ketiga di dalam beberapa pertandingan yang disertai. Para pelajar antarabangnya menyerlah di dalam bidang kebudayaan dengan memenangi

pertandingan nyanyian solo dan tarian berkumpulan dalam International Students Cultural Festival 2011: 1 World Culture dan Pertandingan Irama Malaysia Antarabangsa 2011. Selain itu UniMAP turut menjuarai Pertandingan Nasyid dan Kompang Belia 4B Peringkat Kebangsaan 2011 serta naib johan dalam Pertandingan Cipta Lagu dan Nyanyian Solo Lagu Patriotik MAKUM 2011 dan Festival Nasyid Kemerdekaan IPT Peringkat Kebangsaan 2011. Buat pertama kalinya juga pasukan tenis pelajar menempah tempat ketiga di Karnival Varsity IMT-GT yang berlangsung di Medan, Indonesia. Kejayaan turut diraih oleh Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) UniMAP yang menghasilkan satu video membawa mesej pencegahan rasuah yang berjaya meraih tempat pertama pada Pertandingan *Video Anti-Corruption Public Service Announcement* 2011 Peringkat Kebangsaan.

Tumpuan dalam aspek sosial kepada staf seperti bidang sukan juga dititikberatkan oleh Universiti ini. Setelah berkongsi kejuaraan pada tahun lepas, UniMAP muncul juara bagi Kejohanan Sukan Kakitangan Universiti-universiti Malaysia (SUKUM) Ke-36. Pencapaian selaku juara untuk empat(4) kali berturut-turut disumbangkan melalui pungutan 6 emas, 1 perak dan 4 gangsa. UniMAP turut berbangga apabila turut dinobatkan sebagai penerima Anugerah Kontinjen Berkarisma dan Sihat Cergas. Lebih membanggakan apabila atlet wanitanya, Norhaslinda Md. Hussin turut dinobatkan sebagai atlet wanita terbaik setelah merangkul 4 emas peribadi di samping memecahkan satu rekod baru kejohanan. Penampilan UniMAP di Kejohanan Sukan Badan Berkanun Ke-7

menyaksikan kejayaan meraih 2 emas, 2 perak dan 1 gangsa dan menduduki tempat ke-5 daripada 70 pasukan yang bertanding. UniMAP juga turut diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah kepada kejohanan kali-8 yang akan diadakan pada tahun 2013.

Tahun ini, UniMAP turut menjadi tuan rumah kepada penganjuran beberapa kejohanan sukan peringkat antarabangsa. UniMAP dengan kerjasama Persatuan Woodball Negeri Perlis dan Persatuan Woodball Kebangsaan telah menganjurkan Kejohanan Woodball peringkat antarabangsa yang menyaksikan tiga kejohanan dilaksanakan secara serentak iaitu 7th Asian Cup Woodball Championship, 15th Malaysian Woodball International Open Championship dan Asian Youth Woodball Championship. Selain itu, UniMAP turut menjadi tuan rumah kepada Kejohanan Tenis Jemputan Universiti ASEAN 2011 yang dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan Persatuan Tenis Perlis.

Bagi aspek pembangunan kampus tetap pula, tahun ini merupakan tahun pertama Rancangan Malaysia Ke-10 di mana Kementerian Kewangan telah mengambil pendekatan berbeza dari segi pelaksanaan projek iaitu agihan peruntukan diberikan secara *rolling plan* melibatkan beberapa *rolling plan* sepanjang tempoh 2011-2015. Di bawah peruntukan 1st *rolling plan*, tiga(3) projek fizikal telah berjaya disiapkan iaitu bangunan Perpustakaan, Pusat Sukan dan Kompleks Dewan Kuliah. Kedua-dua bangunan pejabat tersebut telah mula beroperasi pada penghujung 2011 apabila PTJ berkaitan berpindah ke lokasi baru ini. Begitu juga

LAPORAN NAIB CANSOLOR

penggunaan Kompleks Dewan Kuliah, telah dimulakan setelah penjadualan semula aktiviti kuliah dibuat terutama melibatkan pelajar yang pusat pengajiannya berada di Kampus Pauh Putra. Selain itu, 2 projek di bawah pakej 4 iaitu Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik dan Pusat Kejuruteraan sudah diperingkat akhir pembinaannya dan dijangka dapat diduduki menjelang awal tahun 2012.

UniMAP turut melaksanakan 1 projek di bawah peruntukan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) iaitu pembinaan asrama untuk 1000 pelajar. Selain daripada itu, melalui Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) di bawah Jabatan Perdana Menteri, UniMAP mendapat satu lagi projek inisiatif pembiayaan swasta (PFI) iaitu pembinaan asrama untuk 4000 pelajar yang dinamakan PFI-2. Sementara menanti projek pembinaan kolej-kolej kediaman ini siap, UniMAP terus menyewa premis bagi memastikan dasar 100% pelajar tinggal di kolej kediaman dikekalkan. Dua lokasi kolej kediaman baru telah dibuka di Taman Seri Bahagia dan Taman Ira Jaya di Kangar yang dapat menampung 680 orang pelajar. Dengan pembukaan kolej baru tersebut menjadikan jumlah keseluruhan sembilan(9) buah kolej kediaman kesemuanya yang disediakan untuk menampung penginapan para pelajar sepanjang berada di kampus.

Melihat kepada aspek kewangan bagi tahun 2011, pendapatan mengurus UniMAP adalah sebanyak RM218,639,879 berbanding RM175,108,836 pada tahun 2010. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM43,531,043 (24.86%). Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM191,659,485 (87.66%) adalah

merupakan pemberian Kerajaan dan bakinya sebanyak RM26,980,394 (12.34%) adalah hasil sumber dalaman UniMAP. Perbelanjaan mengurus UniMAP pada tahun 2011 pula adalah sebanyak RM224,011,669 berbanding dengan RM196,773,548 pada tahun 2010. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM27,238,121 (13.84%). Kurangan pendapatan mengurus UniMAP pada tahun 2011 adalah sebanyak RM5,371,790 berbanding dengan kurangan sebanyak RM21,664,712 pada tahun 2010. Secara keseluruhannya, lebih pendapatan terkumpul mengurus UniMAP pada tahun 2011 adalah sebanyak RM64,586,171 berbanding dengan RM69,957,961 pada tahun 2010.

Pendapatan pembangunan UniMAP pada tahun 2011 pula adalah sebanyak RM128,390,309 berbanding dengan RM106,901,687 pada tahun 2010. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM21,488,622 (20.10%). Sebanyak RM120,499,600 (93.85%) adalah merupakan pemberian Kerajaan dan bakinya sebanyak RM7,890,709 (6.15%) adalah daripada geran dilunas. Perbelanjaan pembangunan UniMAP pada tahun 2011 pula adalah sebanyak RM101,369,132 berbanding dengan RM104,695,461 pada tahun 2010. Ini merupakan pengurangan sebanyak RM3,326,329 (3.18%). Secara keseluruhannya, lebih terkumpul pendapatan pembangunan UniMAP pada tahun 2011 adalah sebanyak RM64,570,793 berbanding dengan RM37,549,616 pada tahun 2010. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM27,021,177 (71.96%). Lebih terkumpul ini adalah terdiri daripada nilai infrastruktur dan aset tetap lain yang dibayar dari geran pembangunan kerajaan.

Jumlah nilai aset hartanah, loji dan peralatan UniMAP pada tahun 2011 adalah sebanyak RM62,898,812 berbanding RM55,685,412 pada tahun 2010. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM7,213,400 (12.95%). Aset semasa UniMAP pula berjumlah RM124,452,739 pada tahun 2011 berbanding RM85,431,012 pada tahun 2010. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM39,021,727 (45.68%). Tanggungan semasa UniMAP pada tahun 2011 adalah sebanyak RM21,711,852 berbanding dengan RM17,140,364 pada tahun 2010. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM4,571,488 (26.67%). Pada tahun 2011, jumlah aset bersih UniMAP adalah sebanyak RM544,899,971 berbanding RM429,529,969 pada tahun 2010. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM115,370,002 (26.86%).

Suka duka tahun pertama pelaksanaan Pelan Strategik 2011-2015 telah diharung bersama oleh setiap lapisan warganya. Pengalaman terbaik akan dikutip dan diasah menjadi strategi, manakala komitmen akan terus dilonjak ke arah pencapaian terbilang seiring dengan penubuhan UniMAP yang akan menjangkau usia sedekad pada tahun hadapan. Semoga tujahan usaha akan lebih diperkasakan untuk tahun 2012 agar harapan menjadi tindakan dan segala tindakan diubah menjadi kecemerlangan ke arah mencapai keterlihatan UniMAP yang menyerlah di persada antarabangsa.



Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin
Naib Canselor.